



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 306

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

Sebagaimana pada 1 April 2014

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2014

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

Tarikh Perkenan Diraja 27 Jun 1984

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 28 Jun 1984

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 306****AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Perintah bagi pemungutan tol
3. Pemasangan galang
4. Akaun, buku, rekod, dsb., berkenaan dengan tol
5. Kewajipan untuk menyenggara jalan, jambatan atau feri
6. Imuniti Kerajaan Malaysia
7. Penyerahhakan hak meminta, memungut dan menyimpan tol
8. Kesalahan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 306

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi seseorang untuk meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[29 Jun 1984]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Perintah bagi pemungutan tol

2. (1) Menjadi sah di sisi undang-undang bagi Menteri yang bertanggungjawab mengenai kerja-kerja melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju untuk membina, membina semula, meningkat, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri yang telah diisytiharkan atau akan diisytihar sebagai jalan, jambatan atau feri Persekutuan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376] atau yang ada dalam mana-mana Wilayah Persekutuan untuk meminta, memungut dan menyimpan tol bagi tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu bagi penggunaan jalan, jambatan atau feri tersebut oleh mana-mana orang atau kelas kenderaan.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

- (a) jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya tol boleh diminta, dipungut dan disimpan;
- (b) orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol;
- (c) jangka masa pemberian kuasa di bawah perenggan (b);
- (d) orang atau kelas kenderaan yang berkenaan dengannya tol boleh diminta, dipungut dan disimpan;
- (e) amaun tol;
- (f) tempat di mana tol boleh dipungut; dan
- (g) orang atau kelas kenderaan yang akan dikecualikan daripada pembayaran tol.

Pemasangan galang

3. Mana-mana orang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2 boleh menyebabkan suatu galang dipasangkan di mana-mana tempat di mana tol akan dibayar, dan galang tersebut boleh diletakkan terhadap mana-mana orang atau kenderaan sehingga tol yang kena dibayar berkenaan dengan orang atau kenderaan tersebut telah dibayar.

Akaun, buku, rekod, dsb., berkenaan dengan tol

4. Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2—

- (a) hendaklah menyenggara apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri;
- (b) hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri; dan

- (c) hendaklah membenarkan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri untuk mempunyai akses kepada, atau untuk memeriksa atau meneliti, mana-mana akaun, buku, rekod, dokumen, jentera atau alat yang disenggarakan atau digunakan bagi pembayaran atau pungutan tol.

Kewajipan untuk menyenggara jalan, jambatan atau feri

5. Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 hendaklah menyenggara dalam keadaan baik dan menurut amalan kejuruteraan yang baik ke atas jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat.

Imuniti Kerajaan Malaysia

6. Kerajaan Malaysia tidaklah bertanggungjawab ke atas mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa jua jenis kecederaan, kerosakan atau kehilangan yang timbul daripada kegagalan orang yang berhak meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 atau menurut kuasa subseksyen 7(3) untuk menjalankan mana-mana tugasnya di bawah seksyen 5.

Penyerahhakan hak meminta, memungut dan menyimpan tol

7. (1) Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, boleh dalam hal yang sesuai, setelah mengambil kira kepentingan orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2, melalui pemberitahuan dalam *Warta* membenarkan, tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang Menteri fikirkan patut, penyerahhakan hak orang yang diberi kuasa itu untuk meminta, memungut dan menyimpan tol kepada mana-mana orang yang ada kepentingan dalam pembiayaan pembinaan, pembinaan semula, peningkatan, pembaikan atau penyenggaraan jalan, jambatan atau feri yang berkenaan (dalam seksyen ini disebut "pemegang serah hak").

(2) Pemberitahuan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan jangka masa kebenaran itu, yang tidak boleh lebih lama daripada jangka masa pemberian kuasa yang dinyatakan dalam perintah yang berkenaan di bawah seksyen 2.

(3) Selama jangka masa kebenaran di bawah subseksyen (1) itu, pemegang serah hak hendaklah disifatkan sebagai orang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2 bagi penggunaan jalan, jambatan dan feri yang berkenaan dan hendaklah mematuhi seksyen 3, 4 dan 5.

Kesalahan

8. (1) Mana-mana orang yang menggunakan atau cuba menggunakan mana-mana jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 2 tanpa membayar tol yang ditetapkan dalam perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) tol yang kena dibayar menurut kuasa suatu perintah yang dibuat menurut seksyen 2 bolehlah didapatkan melalui tindakan undang-undang oleh orang yang diberi kuasa sedemikian di bawah seksyen tersebut.

(3) Seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] tidaklah terpakai berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(4) Dalam tiap-tiap kes apabila pesalah itu dihukum membayar denda di bawah seksyen ini, mahkamah yang menjatuhkan hukuman hendaklah mengarahkan bahawa sekiranya dia ingkar membayar denda itu pesalah itu hendaklah dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun, dan pemenjaraan itu adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman pemenjaraan lain yang dijatuhkan ke atasnya atau yang boleh dikenakan ke atasnya menurut sesuatu peringanan hukuman.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 306****AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A677	Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987	25-09-1987; s.2: 01-01-1987
Akta A892	Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1994	08-07-1994

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 306****AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A677	01-01-1987
6	Akta A677	25-09-1987
7	Akta A677	25-09-1987
8	Akta A892	08-07-1994
